

KENYATAAN YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

24 JANUARI 2019

1. PENYAMPAIAN INSENTIF SUK PULAU PINANG

Dimaklumkan MPSP telah memenangi Insentif Pencapaian MPSP bagi tahun 2018, iaitu sebanyak RM35,000.00. Insentif ini disampaikan oleh YAB Ketua Menteri ketika Majlis Perhimpunan Anggota Penjawat Awam Bersama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 7 Januari 2019 bertempat di The Top, KOMTAR Pulau Pinang. Antara pencapaian MPSP adalah Inisiatif Pengkomposan Sisa, Diamond Recognition Certificate for Low Carbon Cities Framework (LCCF), Pensijilan Pejabat Hijau dan Pengiktirafan Taman Upcycle Pertama di Malaysia oleh Malaysia Books of Records (MBR).

2. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Pengurusan Krisis, Encik Shahrul Nizam Bin Shazalee menjadi

Pegawai Tadbir Khidmat Pengurusan, Cik Marja Mary a/p Fathi Rosary Rajan dilantik sebagai Pegawai Tadbir Korporat dan Perhubungan Antarabangsa berkuatkuasa 2 Januari 2019.

3. KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dimaklumkan bahawa Puan Rosilah Binti Abd Rashid telah dinaikkan pangkat dari Penolong Pengarah Kanan Undang-Undang ke Timbalan Pegawai Udang-Undang Gred L48.

4. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU DAN AHAD SEMPENA BAYARAN CUKAI TAKSIRAN SETENGAH TAHUN PERTAMA 2018

Dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal pertama 2019 adalah pada 28 Februari 2019. Kaunter Berpusat MPSP dibuka pada hari Sabtu dan Ahad sempena bayaran cukai taksiran setengah tahun pertama 2019 sepanjang bulan Februari 2019. Pembayaran cukai taksiran boleh dilakukan di kaunter Berpusat MPSP seawal 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu dan Ahad. Manakala masa operasi kaunter berpusat MPSP akan dilanjutkan sehingga 8.30 malam pada 28 Februari 2019 (khamis).

Pembukaan perkhidmatan kaunter ini adalah bertujuan memberi kemudahan kepada para pelanggan dan *stakeholder* membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun pertama 2019.

Pembayar cukai boleh membuat pembayaran secara *online* melalui laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen sah. MPSP menggalakkan orang ramai membiasakan diri untuk membuat bayaran cukai taksiran secara online atau melalui agen-agen yang sah seperti MBPP, Bank Rakyat, PBA, Pos Malaysia dan Kiosk MPSP bagi mengelakkan kesesakan di kaunter bayaran dan secara langsung ianya dapat mengurangkan penghasilan karbon, menjimatkan perbelanjaan, meningkatkan kualiti hidup ke arah mencapai bandar rendah karbon dan bandar pintar.

Selepas tarikh tersebut, MPSP akan mengenakan Caj Notis (Borang E) sebanyak RM10.00 ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya anda masih belum lagi membuat bayaran selepas 15 hari daripada Notis (Borang E) dikenakan, waran tahanan sebanyak RM50.00 akan dikeluarkan dan barang-barang yang ada dalam premis akan disita. Sila jelaskan cukai taksiran

dengan segera bagi mengelakkan harta disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi MPSP di talian 04-5497470 / 471 / 891 / 790 atau e-mel ke waran@mpsp.gov.my.

5. BAYARAN BIL CUKAI TAKSIRAN DAN BIL CUKAI TANAH KINI BOLEH DIBAYAR DI MANA-MANA KAUNTER PEJABAT DAERAH DAN TANAH SELURUH NEGERI PULAU PINANG,

Dimaklumkan bahawa orang ramai boleh membuat bayaran cukai taksiran dan tanah di mana-mana kaunter Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Pulau Pinang. Ini akan memudahkan urusan orang ramai membuat bayaran bil cukai taksiran dan cukai tanah di satu tempat sahaja.

6. PEMBERSIHAN SEMPENA TAHUN BARU CINA

Dimaklumkan MPSP akan memberi perkhidmatan tambahan untuk khidmat kutipan Sampah Pukal. Perkhidmatan tambahan ni akan bermula mulai 28 Januari 2019 (Isnin) sehingga 4 Februari 2019 (Isnin) berbanding kutipan seminggu sekali. Penduduk Seberang Perai boleh menghubungi pegawai kawasan bagi mendapatkan

perkhidmatan kutipan atau boleh meletakkan sampah pukal bersebelahan dengan Tong Komunal (Tong RORO, Tong CU dan Tong MGB). Senarai pegawai kawasan adalah seperti berikut:

Penyelaras

En Mohd Naim Bin Mohd Ali	:	013 - 4883851
En Mohammad Aidil Bin Samsuri	:	0111- 4547178
En Zairomzi Nayan	:	019 - 4714691
En Faris Zaki bin Basir	:	013 - 2005074

KAWASAN	NAMA PEGAWAI	NO.TELEFON
Parlimen Kepala Batas	En Mohd Tahir Othman En Ghuzaimi Harun	012-4740526 011-10702827
Parlimen Tasek Gelugor	Pn Rajeswary A/P Subramani Pn Hafizah Mohamad Shukri	011-12192708 013-3001705
Parlimen Bagan	Pn Zaini Abd Rashid En Muhammad Roslizan Md Rodzi	011-11286946 016-6375921
Parlimen Permatang Pauh	En Mohd Norazizul Sahabdin En Zool Hilmi Roslan	013-3041331 019-4816161
Dun Perai & Dun Bukit Tengah,	Cik Banugaa A/P Thurai Raj En Mohd Sabri Sidek	016-4983371 012-4740535
Dun Berapit & Dun Machang Bubok,	Cik Nur Nadiah Nabilah binti Jainuddin En Baharuddin Mansor	011-35499796 012-5650696

Dun Padang Lalang	Cik Fatin Thaniah Ramli En Mohd Awaludin Mustafa En Zulkifli Bin Baharin	013-4801949 012-4677354 012-2881516
Dun Bukit Tambun,	En Norshahada Ramli En Azhar Abu Bakar	013-2648642 017-5341640
Parlimen Nibong Tebal	En Sundram A/L Vegadeson En Sugan Raj Ravandar	019-4247689 017-4605567

Manakala kutipan harian akan dijalankan bagi semua Tong Komunal (Tong RORO, Tong CU dan Tong MGB). Kutipan tambahan sebanyak dua (2) kali sehari yang melibatkan kutipan dari Tong Komunal (Tong RORO, Tong CU dan Tong MGB) akan dibuat pada 3 & 4 Februari 2019 (Ahad & Isnin) dengan ketetapan seperti berikut :

- | | |
|-----------------|----------------------------------|
| Kutipan Pertama | : 7.00 pagi hingga 4.00 petang |
| Kutipan Kedua | : 4.00 petang hingga 10.00 malam |

Tong Individu akan dijalankan mengikut jadual biasa. MPSP menyeru penduduk Seberang Perai supaya dapat mengurangkan penjanaan sisa sampah dan mengamalkan amalan kitar semula bagi menyelamatkan bumi dan alam sekitar.

7. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada Penduduk Seberang Perai yang berketurunan cina. Tahun Baru Cina disambut oleh semua kaum cina tidak kira agama kerana Tahun Baru Cina merupakan aturcara kalender baru. Tahun Baru Cina disambut pada 5 & 6 Februari 2019 (Selasa & Rabu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

8. PESTA PONGGAL MPSP TAHUN 2019

Pesta Ponggal MPSP 2019 akan diadakan pada hari 10 Februari 2019 (Ahad) jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari bertempat di Rain Garden (Jalan Jeti Lama), Butterworth. Antara aktiviti yang akan diadakan ialah pertandingan memasak Ponggal, pertandingan melukis *Kolam*, pertandingan mewarna dan pertandingan pakaian tradisional . Terdapat juga aktiviti pecahkan belangga yang dipanggil *Uri Adithal*. Perayaan Ponggal diraikan oleh kaum India ini merupakan program kali ke-3 yang dianjurkan oleh MPSP. Kali Pertama diadakan pada tahun 2017 di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi Butterworth. Kali ke-2 Pesta Ponggal MPSP dibuat di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Semua warga MPSP

khasnya kakitangan kaum India MPSP dan penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan lagi program tersebut.

9. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 10 Februari 2019 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barang kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

10. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai

Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 17 Februari 2019 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Februari 2019 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

11. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 24 Februari 2019, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.